

Headline	Penerbangan pertama haji 6 September		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	28	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 990
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,970



Penerbangan pertama haji 6 September

KUANTAN – Seramai 1,182 bakal jemaah haji dari seluruh Pahang akan berlepas ke Tanah Suci Makkah untuk menyempurnakan rukun Islam kelima itu bagi musim haji 1434 Hijrah.

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali berkata, mereka yang tersenarai adalah golongan bertuah untuk mengisi 28,000 kuota jemaah haji dihadkan untuk rakyat negara ini.

Menurutnya, penerbangan pertama dijadualkan pada 6 September depan dan semua bakal haji sudah menjalani kursus diperlukan bagi memudahkan jemaah menunaikan ibadah apabila tiba ke destinasi.

“Tabung Haji membelanjakan sebanyak RM3 juta untuk menguruskan kursus di negara ini seperti kursus haji bersiri, kursus intensif dan kursus terakhir iaitu kursus perdana kali ini.

“Tabung Haji juga masih mengekalkan kos yang perlu dibiayai jemaah iaitu sebanyak RM9,980 dan selebihnya sebanyak RM5,575 adalah subsidi Tabung Haji,” katanya.

Beliau berkata demikian sem-



Sebahagian bakal Jemaah haji menjalani kursus perdana yang juga siri terakhir sebelum berlepas ke Tanah Suci.

pena majlis perasmian Kursus Perdana Haji bertempat di Masjid Sultan Ahmad Satu, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah, Islamiah dan Tugas-Tugas Khas Negeri Pahang, Tuan Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Sementara itu, bakal haji dinasihatkan supaya bijak membawa

diri ketika berada di Tanah Suci dan memanfaatkan ilmu yang diperoleh melalui pendedahan kursus diberikan.

“Persekitaran di sana adalah berbeza dan sebarang kekurangan sepanjang menjalani kursus di sini dilakukan penambahbaikan,” katanya.